

KEBIJAKSANAAN JATI DIRI DAN KONSTRUKSI MINDA MELAYU DALAM CERITA RAKYAT KELANTAN BERDASARKAN PENDEKATAN FIRASAT

(WISDOM OF MALAY IDENTITY AND MIND CONSTRUCTION IN KELANTAN FOLKTALES BASED ON
FIRASAT APPROACH)

RIYASNIL, D. P. E.^{1*} – YAACOB, M. F. C.¹ – AFANDI, A. S.¹

¹ *Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan, Kelantan, Malaysia.*

**Penulis penghubung
e-mail: daniaputrielisa.ry[at]gmail.com*

(Received 29th June 2026; revised 17th August 2026; accepted 25th August 2026)

Abstrak. Cerita rakyat merupakan warisan sastera lisan yang berperanan penting dalam menyampaikan nilai, norma serta pandangan hidup masyarakat Melayu. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kebijaksanaan jati diri Melayu serta menganalisis konstruksi minda masyarakat Melayu yang terkandung dalam teks Himpunan Cerita Rakyat Seluruh Jajahan Kelantan. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah kepustakaan dan analisis teks terhadap beberapa cerita rakyat terpilih. Bagi tujuan analisis, Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang digunakan sebagai kerangka utama dengan penekanan kepada pendekatan firasat. Pendekatan ini membolehkan pengkaji meneliti makna tersirat, simbol serta perlambangan yang mencerminkan cara pemikiran masyarakat Melayu. Hasil kajian mendapati bahawa cerita rakyat Kelantan mengandungi pelbagai nilai jati diri Melayu yang merangkumi aspek budaya, agama, politik dan ekonomi, sekali gus membentuk pola pemikiran masyarakat yang berteraskan akal budi, kepercayaan dan pengalaman hidup. Selain itu, dapatan kajian turut menunjukkan bahawa cerita rakyat bukan sahaja berfungsi sebagai hiburan, malah berperanan sebagai medium pembentukan pemikiran dan identiti masyarakat Melayu. Oleh itu, kajian ini diharap dapat menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam tentang peranan cerita rakyat dalam memperkukuhkan jati diri serta konstruksi minda Melayu dalam konteks semasa.

Katakunci: *cerita rakyat, jati diri Melayu, konstruksi minda, pendekatan firasat, teori pengkaedahan Melayu*

Abstract. Folktales represent a form of oral literature that plays a significant role in conveying values, norms, and the worldview of the Malay community. This study aims to identify the wisdom of Malay identity and to analyse the construction of the Malay mindset as reflected in the text Himpunan Cerita Rakyat Seluruh Jajahan Kelantan. This research adopts a qualitative approach through library research and textual analysis of selected folktales. The analysis is guided by the Malay Methodology Theory introduced by Hashim Awang, with particular emphasis on the intuitive (firasat) approach. This approach enables the researcher to interpret implicit meanings, symbols, and representations embedded in the narratives, which reflect the patterns of Malay thought. The findings indicate that Kelantanese folktales encompass various elements of Malay identity, including cultural, religious, political, and economic aspects, which collectively shape the community's way of thinking based on intellect, belief, and lived experience. In addition, the study reveals that folktales function not merely as a form of entertainment but also as a medium for shaping identity and intellectual perspectives within Malay society. Therefore, this study contributes to a deeper understanding of the role of folktales in strengthening Malay identity and the construction of the Malay mindset in contemporary contexts.

Keywords: *folktales, Malay identity, Malay mindset, firasat approach, Malay methodology theory*

Pengenalan

Cerita rakyat merupakan salah satu bentuk sastera lisan yang diwarisi secara turun-temurun dalam masyarakat Melayu dan berfungsi sebagai medium penting dalam menyampaikan nilai, norma serta pandangan hidup sesuatu komuniti. Dalam tradisi Melayu, cerita rakyat tidak hanya berperanan sebagai hiburan semata-mata, tetapi turut menjadi wahana pendidikan tidak formal yang membentuk pemikiran dan tingkah laku masyarakat. Ali (2017) menyatakan bahawa sastera rakyat berupaya membentuk identiti sesuatu bangsa serta menjadi asas kepada sistem kepercayaan yang diamalkan oleh masyarakat tersebut. Hal ini menunjukkan bahawa cerita rakyat bukan sekadar naratif tradisional, sebaliknya mengandungi unsur nilai dan falsafah yang membentuk jati diri serta cara berfikir masyarakat Melayu. Selain itu, cerita rakyat juga berfungsi sebagai medium yang merakam pengalaman hidup masyarakat serta mencerminkan hubungan antara manusia dengan persekitarannya. Naratif yang disampaikan sering kali mengandungi unsur perlambangan, kiasan dan pengajaran yang menggambarkan cara masyarakat Melayu mentafsir realiti kehidupan. Osman (1988) menjelaskan bahawa cerita rakyat merupakan warisan budaya yang mencerminkan pengalaman kolektif sesuatu masyarakat dan diwariskan bagi memastikan kesinambungan nilai kehidupan. Oleh itu, cerita rakyat boleh dilihat sebagai sumber penting dalam memahami struktur pemikiran masyarakat Melayu yang terbentuk melalui pengalaman, kepercayaan dan interaksi sosial.

Dalam konteks ini, konsep jati diri Melayu merujuk kepada keseluruhan nilai, budaya dan pandangan hidup yang membentuk identiti masyarakat Melayu secara menyeluruh. Jati diri ini melibatkan pelbagai aspek seperti budaya, agama, bahasa serta sistem sosial yang diwarisi secara turun-temurun. Omar (2006) menyatakan bahawa jati diri Melayu dapat dikenal pasti melalui pengamalan bahasa dan budaya yang berterusan dalam kalangan masyarakat Melayu walaupun berada di luar kawasan asal. Hal ini menunjukkan bahawa jati diri Melayu bukan sahaja berkaitan dengan identiti luaran, tetapi turut mempengaruhi cara masyarakat berfikir, membuat pertimbangan serta menilai sesuatu dalam kehidupan seharian. Sehubungan itu, cerita rakyat dapat diteliti sebagai satu bentuk konstruksi minda yang mencerminkan cara masyarakat Melayu membentuk pemikiran dan memahami dunia sekeliling. Konstruksi minda dalam konteks ini merujuk kepada proses pembentukan pemikiran yang dipengaruhi oleh nilai budaya, kepercayaan serta pengalaman hidup yang diwarisi. Naratif cerita rakyat yang sarat dengan simbol dan makna tersirat membolehkan pengkaji meneliti bagaimana masyarakat Melayu mentafsir sesuatu peristiwa dan membuat keputusan dalam kehidupan. Oleh itu, analisis terhadap cerita rakyat bukan sahaja membolehkan pengenalanpastian nilai jati diri, malah turut memperlihatkan struktur pemikiran masyarakat Melayu yang lebih mendalam.

Walau bagaimanapun, dalam era globalisasi yang pesat, penghayatan terhadap cerita rakyat semakin berkurangan akibat pengaruh budaya moden dan perubahan gaya hidup masyarakat. Yaacob (2018) menegaskan bahawa karya sastera tradisional semakin terpinggir dan perlu didokumentasikan agar tidak hilang ditelan zaman. Sehubungan itu, kajian ini memfokuskan kepada teks Himpunan Cerita Rakyat Seluruh Jajahan Kelantan dengan menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu oleh Awang (1989), khususnya pendekatan firasat, bagi mengenal pasti kebijaksanaan jati diri Melayu serta menganalisis konstruksi minda masyarakat Melayu yang terkandung dalam cerita rakyat tersebut. Pendekatan ini digunakan bagi menyingkap makna tersirat dan simbolik dalam

teks, sekali gus memberikan pemahaman yang lebih mendalam terhadap pemikiran masyarakat Melayu.

Pernyataan masalah

Teks Himpunan Cerita Rakyat Seluruh Jajahan Kelantan mengandungi pelbagai unsur nilai, budaya dan pemikiran yang boleh diteliti dalam memahami jati diri masyarakat Melayu. Kajian terhadap cerita rakyat Melayu telah lama diberi perhatian oleh para sarjana, khususnya dalam melihat peranan sastera lisan dalam masyarakat. Hamid (1987) menjelaskan bahawa cerita rakyat berfungsi sebagai medium penyampaian tradisi dan pengalaman hidup masyarakat secara turun-temurun. Selain itu, cerita rakyat memainkan peranan penting dalam membentuk kehalusan budi serta kesedaran budaya dalam kalangan masyarakat Melayu. Dalam konteks jati diri pula, Omar (2006) menyatakan bahawa identiti Melayu terbentuk melalui pengamalan bahasa dan budaya yang berterusan dalam kehidupan masyarakat. Di samping itu, Awang (2002) menekankan bahawa karya sastera Melayu perlu diteliti berdasarkan nilai dan pemikiran tempatan bagi memahami makna sebenar yang terkandung dalam teks. Yaacob (2018) pula menjelaskan bahawa karya sastera tradisional semakin terpinggir dan perlu dikaji bagi memastikan kelangsungan warisan budaya. Kajian-kajian ini menunjukkan bahawa cerita rakyat mempunyai peranan penting dalam pembentukan nilai dan identiti masyarakat Melayu.

Walau bagaimanapun, kebanyakan kajian tersebut lebih menumpukan kepada fungsi cerita rakyat sebagai medium penyampaian nilai dan budaya tanpa meneliti secara khusus bagaimana unsur tersebut membentuk konstruksi minda masyarakat Melayu. Cerita rakyat bukan sahaja mencerminkan nilai, tetapi turut memperlihatkan cara masyarakat Melayu mentafsir pengalaman, membuat pertimbangan serta membentuk pandangan terhadap kehidupan. Namun begitu, aspek pemikiran ini masih kurang dianalisis secara mendalam dalam kajian terdahulu. Selain itu, pendekatan yang digunakan juga kurang menekankan tafsiran makna tersirat yang terkandung dalam teks. Oleh itu, penggunaan Teori Pengkaedahan Melayu oleh Awang (1989), khususnya pendekatan firasat, dilihat lebih sesuai untuk meneliti dimensi tersebut kerana pendekatan ini memberi penekanan kepada keupayaan akal budi dalam memahami makna tersirat dan simbolik dalam karya. Sehubungan itu, kajian ini dijalankan bagi meneliti kebijaksanaan jati diri Melayu serta menganalisis konstruksi minda masyarakat Melayu dalam cerita rakyat Kelantan agar dapat memberikan pemahaman yang lebih menyeluruh tentang peranan cerita rakyat dalam membentuk pemikiran dan identiti masyarakat Melayu.

Batasan kajian

Kajian ini dibataskan kepada analisis terhadap teks Himpunan Cerita Rakyat Seluruh Jajahan Kelantan sebagai sumber utama kajian. Pemilihan teks ini adalah kerana kandungannya yang menghimpunkan pelbagai cerita rakyat daripada jajahan di negeri Kelantan yang mencerminkan nilai budaya, kepercayaan serta pengalaman masyarakat tempatan. Namun demikian, kajian ini tidak melibatkan cerita rakyat dari negeri-negeri lain di Malaysia, justeru dapatan kajian hanya tertumpu kepada konteks masyarakat Melayu Kelantan dan tidak mewakili keseluruhan masyarakat Melayu secara menyeluruh. Selain itu, kajian ini memberi tumpuan khusus kepada kebijaksanaan jati diri Melayu serta konstruksi minda masyarakat Melayu yang terkandung dalam cerita

rakyat yang dianalisis. Tidak semua cerita dalam teks tersebut diteliti, sebaliknya hanya cerita rakyat terpilih yang mempunyai unsur nilai, simbol dan makna tersirat yang relevan dengan objektif kajian dijadikan fokus analisis. Di samping itu, kajian ini menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu oleh Awang (1989) sebagai kerangka analisis utama dengan memberi penekanan kepada pendekatan firasat. Oleh itu, tafsiran yang dihasilkan adalah berdasarkan perspektif teori tersebut yang menitikberatkan keupayaan akal budi dalam mentafsir makna tersirat dalam teks. Kajian ini tidak menggunakan pendekatan teori lain, justeru dapatan kajian adalah terhad kepada kerangka pemikiran tempatan yang dipilih. Selain itu, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah kepustakaan dan analisis teks tanpa melibatkan pengumpulan data lapangan seperti temu bual atau soal selidik. Oleh itu, dapatan kajian adalah bersifat interpretatif dan tertumpu kepada analisis teks, serta tidak melibatkan perspektif responden atau masyarakat secara langsung.

Sorotan kajian lepas

Kajian bertajuk Animasi Cerita Bangsawan Puteri Saadong: Adaptasi Teks dan Persembahan oleh Nasir et al. (2016) meneliti perkembangan animasi dua dimensi (2D) yang berasaskan elemen seni persembahan bangsawan. Kajian ini menggunakan Hikayat Seri Kelantan sebagai teks utama untuk mengadaptasi kisah legenda Puteri Saadong dengan mengambil kira prinsip estetika dalam persembahan bangsawan. Penyelidik menggunakan gabungan kaedah kuantitatif dan kualitatif bagi menilai persepsi penonton terhadap hasil animasi yang dihasilkan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan animasi berasaskan warisan tradisional mampu menarik minat generasi muda serta menjadi medium yang berkesan dalam memperkenalkan semula cerita rakyat dan budaya tempatan. Kajian seterusnya oleh Hanafiah dan Yaacob (2020) bertajuk Nilai Keagamaan dalam Cerita Rakyat Melayu memberi tumpuan kepada peranan cerita rakyat sebagai medium penyampaian nilai Islam dalam masyarakat. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis teks terhadap beberapa cerita rakyat terpilih. Hasil kajian mendapati bahawa cerita rakyat mengandungi pelbagai unsur nilai keagamaan seperti keimanan, kesyukuran dan kepatuhan kepada ajaran Islam yang berfungsi dalam membentuk akhlak masyarakat. Kajian ini membuktikan bahawa cerita rakyat bukan sahaja berfungsi sebagai hiburan, tetapi turut memainkan peranan penting dalam pembentukan sahsiah dan nilai keagamaan masyarakat Melayu.

Selain itu, kajian oleh Zikeria (2015) bertajuk Nilai Murni dalam Cerita Rakyat Melayu meneliti elemen nilai yang terkandung dalam cerita rakyat sebagai medium pendidikan moral. Kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan terhadap teks cerita rakyat bagi mengenal pasti nilai-nilai yang disampaikan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa cerita rakyat mengandungi pelbagai nilai seperti kejujuran, keberanian dan kasih sayang yang dapat membentuk tingkah laku individu dalam masyarakat. Kajian ini menegaskan bahawa cerita rakyat memainkan peranan penting dalam menyampaikan pengajaran hidup kepada masyarakat, khususnya kepada generasi muda. Yaacob (2015) dalam kajiannya bertajuk Fungsi Cerita Rakyat dalam Masyarakat Melayu meneliti peranan cerita rakyat sebagai medium pendidikan dan penyampaian nilai dalam masyarakat. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis teks dan kajian kepustakaan. Hasil kajian mendapati bahawa cerita rakyat berfungsi sebagai medium untuk menyampaikan pengalaman hidup, nilai budaya dan norma sosial kepada masyarakat. Selain itu, kajian ini turut menekankan bahawa cerita rakyat

memainkan peranan dalam membentuk keperibadian individu melalui pengajaran yang terkandung dalam naratifnya.

Seterusnya, kajian bertajuk Tradisi Lisan dan Pembentukan Budaya Masyarakat Melayu membincangkan peranan tradisi lisan termasuk cerita rakyat dalam membentuk kesedaran budaya dan identiti masyarakat. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kajian kepustakaan bagi meneliti fungsi tradisi lisan dalam kehidupan masyarakat Melayu. Dapatan kajian menunjukkan bahawa cerita rakyat merupakan salah satu medium penting dalam memelihara warisan budaya serta memperkukuh jati diri masyarakat. Kajian ini membuktikan bahawa cerita rakyat mempunyai peranan yang signifikan dalam memastikan kesinambungan nilai dan budaya dalam masyarakat Melayu. Secara keseluruhannya, kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa cerita rakyat Melayu memainkan peranan penting dalam menyampaikan nilai, budaya dan kepercayaan masyarakat, khususnya dalam membentuk sahsiah dan identiti. Namun demikian, kebanyakan kajian lebih tertumpu kepada aspek nilai secara umum tanpa meneliti secara mendalam hubungan antara nilai tersebut dengan pembentukan konstruksi minda masyarakat Melayu. Selain itu, penggunaan pendekatan yang menekankan tafsiran makna tersirat seperti pendekatan firasat juga masih kurang diberi perhatian. Sehubungan itu, kajian ini dijalankan bagi meneliti kebijaksanaan jati diri Melayu serta menganalisis konstruksi minda masyarakat Melayu dalam cerita rakyat Kelantan berdasarkan pendekatan firasat.

Instrumen dan Metod Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang menumpukan kepada kaedah kepustakaan dan analisis teks. Kaedah kepustakaan digunakan bagi mendapatkan maklumat berkaitan konsep jati diri Melayu, cerita rakyat serta Teori Pengkaedahan Melayu melalui rujukan terhadap buku, artikel jurnal dan kajian terdahulu yang relevan. Kajian ini menumpukan analisis terhadap teks Himpunan Cerita Rakyat Seluruh Jajahan Kelantan yang diterbitkan oleh Penerbit Universiti Malaysia Kelantan pada tahun 2023. Pemilihan teks ini adalah kerana kandungannya yang menghimpunkan pelbagai cerita rakyat daripada jajahan di negeri Kelantan yang sarat dengan nilai budaya, kepercayaan dan pengalaman masyarakat tempatan. Bagi tujuan analisis, kajian ini memberi tumpuan kepada beberapa cerita rakyat terpilih yang mempunyai unsur nilai, simbol dan makna tersirat yang signifikan dengan objektif kajian. Analisis dilakukan dengan mengenal pasti elemen kebijaksanaan jati diri Melayu yang terkandung dalam teks, di samping meneliti bagaimana elemen tersebut membentuk konstruksi minda masyarakat Melayu. Proses analisis ini melibatkan pembacaan secara teliti, pengenalpastian tema serta pentafsiran makna berdasarkan konteks budaya dan pemikiran masyarakat Melayu. Selain itu, kajian ini menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu yang diperkenalkan oleh Awang (1989) sebagai kerangka analisis utama dengan memberi penekanan kepada pendekatan firasat. Pendekatan ini menitikberatkan keupayaan akal budi dalam mentafsir makna tersirat, simbol dan perlambangan yang terkandung dalam teks. Melalui pendekatan ini, pengkaji dapat memahami dengan lebih mendalam pemikiran masyarakat Melayu yang tersirat di sebalik naratif cerita rakyat. Secara keseluruhannya, metodologi kajian ini memberi tumpuan kepada analisis kandungan teks secara interpretatif bagi memahami hubungan antara kebijaksanaan jati diri Melayu dengan konstruksi minda masyarakat Melayu dalam cerita rakyat Kelantan. Pendekatan

ini membolehkan kajian dilakukan secara mendalam serta selari dengan konteks budaya tempatan.

Dapatan dan Perbincangan Kajian

Proses analisis kajian ini dijalankan secara kualitatif melalui kaedah analisis teks dengan meneliti secara mendalam kandungan cerita rakyat dalam buku Himpunan Cerita Rakyat Seluruh Jajahan Kelantan, khususnya cerita Aksara Sebiji Padi Sebesar Buah Kelapa, Toyol, Puteri Saadong, Hantu Raya Bekelam dan Hilangnya Tiga Haji yang dipilih sebagai bahan analisis. Analisis dilakukan melalui pembacaan rapi bagi mengenal pasti unsur kebijaksanaan jati diri serta konstruksi minda Melayu yang terkandung dalam peristiwa, watak dan latar cerita. Seterusnya, Pendekatan Firasat dalam Teori Pengkaedahan Melayu diaplikasikan untuk mentafsir makna tersirat melalui simbol, perlambangan dan peristiwa luar biasa seperti mimpi, unsur ghaib dan kejadian luar jangka yang terdapat dalam naratif. Setiap dapatan dianalisis secara sistematik dengan menghubungkan tafsiran tersebut kepada pemikiran, kepercayaan dan falsafah hidup masyarakat Melayu, sekali gus memperlihatkan bagaimana cerita rakyat berfungsi sebagai medium pembentukan jati diri dan konstruksi minda Melayu.

Teori pengkaedahan Melayu

Pendekatan firasat merupakan salah satu pendekatan dalam Teori Pengkaedahan Melayu yang diasaskan oleh Awang (1989) di bawah Pengkaedahan Alamiah. Pengkaji memilih pendekatan ini menekankan keupayaan akal budi masyarakat Melayu dalam mentafsir makna tersirat yang terkandung dalam karya sastera. Awang (1989) menegaskan bahawa karya sastera Melayu perlu dianalisis berdasarkan acuan pemikiran tempatan kerana setiap karya mencerminkan jiwa, budaya dan pandangan hidup masyarakat Melayu. Oleh itu, pendekatan firasat tidak hanya melihat makna secara literal, tetapi memberi penekanan terhadap simbol, perlambangan dan petanda yang tersembunyi dalam teks. Dalam konteks ini, pendekatan firasat berfungsi sebagai kaedah untuk menyingkap makna tersirat yang terkandung dalam cerita rakyat, yang sering menyampaikan nilai dan pandangan hidup secara tidak langsung. Hal ini selari dengan pandangan Awang (2002) bahawa pengkajian sastera Melayu perlu meneliti nilai dan falsafah yang tersirat dalam pemikiran bangsa. Di samping itu, Ahmad (2008) turut menjelaskan bahawa jati diri Melayu dapat difahami melalui cara masyarakat Melayu berfikir serta membentuk makna melalui bahasa, budaya dan kepercayaan. Justeru, pendekatan firasat membantu pengkaji memahami bagaimana makna tersebut dibentuk secara simbolik dalam naratif cerita rakyat. Secara keseluruhannya, pendekatan firasat bukan sahaja meneliti makna tersirat dalam teks, malah berperanan dalam memahami konstruksi minda dan jati diri Melayu. Melalui tafsiran terhadap unsur budaya, keagamaan dan sosial dalam cerita rakyat, pengkaji dapat mengenal pasti pemikiran kolektif masyarakat Melayu yang mencerminkan hubungan antara manusia, alam dan Tuhan. Hal ini menunjukkan bahawa pendekatan firasat merupakan satu kaedah yang penting dalam menyingkap kebijaksanaan akal budi Melayu serta memahami falsafah hidup yang terkandung dalam karya sastera tradisional.

Jati diri dan konstruksi minda Melayu

Jati diri Melayu merujuk kepada keseluruhan ciri budaya, nilai, kepercayaan dan pandangan hidup yang membentuk identiti masyarakat Melayu. Dalam konteks kajian ini, jati diri Melayu berpaksikan kepada nilai budaya dan agama yang diwarisi secara turun-temurun, khususnya berasaskan ajaran Islam dan adat resam tempatan. Awang (2002) menegaskan bahawa pengkajian terhadap karya sastera Melayu perlu dilakukan berdasarkan acuan pemikiran bangsa sendiri kerana setiap karya mencerminkan jiwa dan falsafah hidup masyarakat yang melahirkannya. Selain itu, Ahmad (2008) turut menjelaskan bahawa jati diri Melayu merupakan pandangan hidup yang membezakan masyarakat Melayu daripada bangsa lain, yang terbentuk melalui bahasa, budaya dan kepercayaan yang diwarisi. Oleh itu, jati diri Melayu bukan sekadar identiti luaran, tetapi mencerminkan sistem nilai dan falsafah hidup yang menjadi asas kepada pembentukan keperibadian masyarakat. Selain itu, konstruksi minda Melayu merujuk kepada cara masyarakat Melayu berfikir, mentafsir dan memahami realiti kehidupan berdasarkan pengalaman budaya dan sistem kepercayaan mereka. Pemikiran ini terbentuk melalui interaksi antara bahasa, adat resam, agama dan pengalaman sosial yang diwarisi secara kolektif. Menurut Hassan (2009), pembentukan jati diri sesuatu bangsa melibatkan beberapa unsur penting seperti bahasa, kebudayaan, agama, leluhur dan tempat tinggal yang sama, yang secara tidak langsung membentuk cara berfikir masyarakat tersebut. Dalam konteks ini, konstruksi minda Melayu memperlihatkan satu bentuk pemikiran yang seimbang, yang menitikberatkan hubungan antara manusia dengan masyarakat, alam dan Tuhan, sekali gus mencerminkan kebijaksanaan akal budi Melayu dalam menilai sesuatu perkara. Secara keseluruhannya, jati diri dan konstruksi minda Melayu saling berkait dalam membentuk keperibadian masyarakat Melayu. Jati diri berfungsi sebagai asas nilai dan identiti, manakala konstruksi minda pula menentukan cara nilai tersebut difahami dan diamalkan dalam kehidupan seharian. Melalui cerita rakyat, kedua-dua elemen ini dizahirkan secara tersirat melalui naratif, watak dan peristiwa yang mencerminkan pemikiran kolektif masyarakat. Hal ini menunjukkan bahawa cerita rakyat bukan sahaja menjadi medium hiburan, tetapi juga wahana penting dalam mengekalkan dan memperkukuhkan jati diri serta konstruksi minda Melayu dalam kalangan masyarakat.

Kebijaksanaan jati diri dan konstruksi minda Melayu melalui nilai kasih sayang

Kasih sayang merupakan elemen penting dalam pembentukan jati diri Melayu kerana nilai ini mencerminkan kebijaksanaan dalam membina hubungan sosial serta menentukan cara individu bertindak terhadap masyarakat sekeliling. Dalam konteks masyarakat Melayu, kasih sayang bukan sekadar emosi, tetapi menjadi asas kepada pembentukan akhlak, tanggungjawab dan keprihatinan sosial. Hal ini selari dengan pandangan Zuriah (2008) yang menjelaskan bahawa kasih sayang merujuk kepada sikap prihatin, tanggungjawab serta kesanggupan berkorban terhadap individu lain. Selain itu, Sikana (2013) turut menegaskan bahawa karya tradisional berfungsi membentuk kesedaran moral dan emosi sosial masyarakat, manakala Yaacob (2015) menyatakan bahawa kasih sayang lahir daripada keikhlasan hati yang mendorong seseorang membantu orang lain. Oleh itu, nilai ini memperlihatkan kebijaksanaan jati diri Melayu yang berteraskan empati dan keseimbangan dalam kehidupan bermasyarakat. Nilai kasih sayang ini dapat diperhatikan dalam cerita rakyat Aksara Sebiji Padi Sebesar Buah Kelapa seperti dalam petikan berikut:

Petikan 1

Alangkah terkejutnya Mak Melati apabila melihat padi bertukar menjadi nasi sehingga melimpah keluar dari tempayan. Tanpa berlengah lagi Mak Melati terus menjerit memanggil suaminya. Mak Melati bersama suaminya bercadang untuk memberikan dan mengagihkan nasi kepada orang kampung.

Petikan ini menggambarkan kebijaksanaan jati diri Melayu melalui tindakan Pak Budi dan Mak Melati yang memilih untuk berkongsi rezeki walaupun hidup dalam keadaan serba kekurangan. Dari sudut konstruksi minda Melayu, tindakan tersebut mencerminkan cara berfikir masyarakat Melayu yang tidak berpusat kepada kepentingan diri semata-mata, sebaliknya mengutamakan kesejahteraan bersama. Hal ini menunjukkan bahawa pemikiran Melayu dibentuk oleh nilai kolektif, di mana keseimbangan sosial dan semangat berkongsi menjadi asas dalam kehidupan bermasyarakat. Petikan ini dianalisis melalui Pendekatan Firasat dalam Teori Pengkaedahan Melayu kerana pengarang memanfaatkan unsur mimpi dan kejadian luar biasa sebagai simbol yang membawa makna tersirat. Mimpi Pak Budi yang didatangi lelaki tua serta keajaiban padi yang bertukar menjadi nasi melimpah tidak sekadar peristiwa fantastik, tetapi merupakan lambang kepada rezeki dan ketentuan Ilahi. Melalui pendekatan firasat, unsur ini ditafsir sebagai petunjuk bahawa sifat kasih sayang dan kemurahan hati akan membawa kepada keberkatan dalam kehidupan. Hal ini selaras dengan pandangan Awang (2002) bahawa pendekatan firasat menilai makna tersirat melalui simbol, petanda dan peristiwa luar biasa dalam karya sastera. Oleh itu, peristiwa ini bukan sahaja menggambarkan nilai kasih sayang, tetapi turut memperlihatkan kebijaksanaan jati diri serta konstruksi minda Melayu yang berasaskan kepercayaan, empati dan hubungan harmoni dalam masyarakat.

Kebijaksanaan jati diri dan konstruksi minda Melayu melalui kepercayaan terhadap unsur ghaib

Kebijaksanaan jati diri Melayu turut dapat dilihat melalui cara masyarakat mentafsir kewujudan unsur ghaib dalam kehidupan. Dalam konteks masyarakat Melayu tradisional, kepercayaan terhadap alam ghaib bukan sekadar kepercayaan kosong, tetapi merupakan sebahagian daripada konstruksi minda yang membentuk cara berfikir dan memahami realiti. Kepercayaan ini memperlihatkan bahawa pemikiran Melayu tidak hanya berasaskan logik semata-mata, tetapi turut menggabungkan unsur spiritual dan metafizik dalam menilai sesuatu peristiwa. Hal ini dapat diperhatikan dalam cerita rakyat Toyol, yang menggambarkan hubungan antara manusia dengan makhluk ghaib serta implikasinya terhadap kehidupan masyarakat.

Petikan 2

Kemudian disebabkan kejadian yang berlaku ini, dia telah berikhtiar dengan pelbagai cara sehinggalah dia berjumpa pengamal perubatan Islam bagi mengelakkan gangguan makhluk-makhluk halus di dalam rumahnya.

Petikan ini menunjukkan bagaimana kewujudan makhluk ghaib seperti toyol menjadi sebahagian daripada realiti yang dipercayai dalam masyarakat Melayu. Dari sudut konstruksi minda Melayu, kepercayaan terhadap toyol mencerminkan satu bentuk pemikiran yang mengaitkan kejadian luar biasa dengan sebab yang bersifat ghaib. Hal ini menunjukkan bahawa masyarakat Melayu mentafsir sesuatu peristiwa bukan sahaja melalui logik rasional, tetapi juga melalui sistem kepercayaan yang diwarisi secara

turun-temurun. Melalui pendekatan firasat, kewujudan toyol dalam cerita ini tidak sekadar ditafsir sebagai elemen mistik, tetapi sebagai simbol kepada sifat tamak dan penyalahgunaan kuasa. Toyol yang digunakan untuk mencuri harta orang lain melambangkan keinginan manusia untuk memperoleh kekayaan secara tidak sah. Oleh itu, unsur ghaib dalam cerita ini berfungsi sebagai petanda kepada akibat buruk yang akan berlaku apabila manusia melanggar norma dan nilai masyarakat. Selaras dengan pandangan Awang (2002), pendekatan firasat menekankan tafsiran terhadap simbol dan peristiwa luar biasa sebagai lambang kepada makna kehidupan yang lebih mendalam. Justeru, cerita ini memperlihatkan kebijaksanaan jati diri Melayu dalam memberi peringatan secara tersirat serta membentuk konstruksi minda yang menghubungkan antara kepercayaan, moral dan pengalaman hidup masyarakat.

Kebijaksanaan jati diri dan konstruksi minda Melayu melalui nilai kepimpinan

Kebijaksanaan jati diri Melayu juga dapat dilihat melalui konsep kepimpinan yang terbentuk dalam masyarakat tradisional. Dalam konteks ini, kepimpinan bukan sahaja merujuk kepada kuasa pemerintahan, tetapi turut mencerminkan tanggungjawab, keadilan dan kebijaksanaan dalam mengurus masyarakat. Konstruksi minda Melayu memperlihatkan bahawa pemimpin yang baik ialah individu yang mampu menjaga kesejahteraan rakyat serta bertindak berdasarkan nilai moral dan adat yang diwarisi. Hal ini dapat diperhatikan dalam cerita rakyat Puteri Saadong, yang menggambarkan peranan kepimpinan serta kedudukan simbolik watak dalam masyarakat.

Petikan 3

Puteri Saadong telah membuka sebuah kerajaan di Bukit Merak, Kelantan. Kerajaan tersebut merupakan sebuah kerajaan yang disusun setelah suami beliau, iaitu Long Abdullah meninggal dunia.

Petikan ini menunjukkan bahawa kepimpinan dalam masyarakat Melayu tidak hanya berasaskan kuasa, tetapi turut berkait dengan kebijaksanaan dan keupayaan menjaga keharmonian masyarakat. Dari sudut konstruksi minda Melayu, pemimpin dilihat sebagai simbol keseimbangan antara kuasa dan tanggungjawab. Hal ini mencerminkan pemikiran masyarakat Melayu yang menilai kepimpinan berdasarkan keadilan, kebijaksanaan dan hubungan erat antara pemimpin dan rakyat. Melalui pendekatan firasat, watak Puteri Saadong boleh ditafsir sebagai simbol kepada ideal kepimpinan dalam masyarakat Melayu. Kedudukannya sebagai pemimpin wanita yang disegani melambangkan kebijaksanaan dan kekuatan dalaman yang tidak hanya bergantung kepada kuasa fizikal. Peranan beliau dalam menjaga rakyat menunjukkan bahawa kepimpinan dalam konteks Melayu bersifat amanah dan berteraskan nilai kemanusiaan. Selaras dengan pandangan Awang (2002), pendekatan firasat menilai makna tersirat melalui simbol dan perlambangan dalam karya sastra. Oleh itu, watak Puteri Saadong bukan sekadar individu dalam cerita, tetapi menjadi lambang kepada konstruksi minda Melayu yang mengutamakan kepimpinan beretika dan berteraskan kebijaksanaan jati diri.

Kebijaksanaan jati diri dan konstruksi minda Melayu melalui nilai rasional

Nilai rasional merupakan salah satu elemen penting dalam jati diri Melayu yang mencerminkan kebijaksanaan dalam membuat pertimbangan dan keputusan. Dalam

masyarakat Melayu, rasional tidak hanya merujuk kepada pemikiran logik semata-mata, tetapi turut melibatkan pertimbangan berdasarkan pengalaman, adat dan kepercayaan. Hal ini menunjukkan bahawa konstruksi minda Melayu bersifat seimbang, iaitu menggabungkan unsur rasional dan nilai budaya dalam memahami sesuatu situasi. Nilai ini dapat diperhatikan dalam cerita rakyat Hilangnya Tiga Haji, yang memaparkan peristiwa yang memerlukan tafsiran mendalam terhadap kejadian yang berlaku.

Petikan 4

Pak Aji berfikir sampai bila mahu menyorok di hutan. Tiba-tiba anak haji bercadang untuk menyorok ke gua yang pihak Komunis tidak tahu tempatnya, dengan persetujuan Pak Aji dan Mak Aji.

Petikan ini menunjukkan bahawa masyarakat tidak terus menerima kejadian tersebut tanpa persoalan, sebaliknya berusaha mencari penjelasan terhadap peristiwa yang berlaku. Dari sudut konstruksi minda Melayu, tindakan ini mencerminkan satu bentuk pemikiran yang rasional, di mana masyarakat cuba memahami sesuatu kejadian melalui pemerhatian dan pertimbangan yang teliti. Hal ini memperlihatkan bahawa masyarakat Melayu memiliki kebijaksanaan dalam menilai sesuatu situasi secara berhati-hati dan tidak terburu-buru membuat kesimpulan. Melalui pendekatan firasat, kehilangan tiga orang haji ini boleh ditafsir sebagai simbol kepada ujian dan peringatan dalam kehidupan masyarakat. Peristiwa misteri tersebut bukan sekadar kejadian biasa, tetapi mengandungi makna tersirat yang berkaitan dengan kepercayaan dan nilai kehidupan. Usaha masyarakat untuk mencari jawapan menunjukkan bahawa kebijaksanaan jati diri Melayu bukan hanya terletak pada kepercayaan semata-mata, tetapi juga pada keupayaan untuk berfikir secara rasional dalam menghadapi perkara yang tidak pasti. Selaras dengan pandangan Awang (2002), pendekatan firasat menekankan tafsiran terhadap peristiwa luar biasa sebagai lambang kepada makna kehidupan yang lebih mendalam. Oleh itu, cerita ini memperlihatkan bahawa konstruksi minda Melayu terbentuk melalui keseimbangan antara pemikiran rasional dan kepercayaan dalam memahami realiti kehidupan.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian ini membuktikan bahawa cerita rakyat Kelantan bukan sekadar naratif hiburan, tetapi merupakan wahana penting dalam menzahirkan kebijaksanaan jati diri serta konstruksi minda Melayu melalui makna tersirat yang terkandung dalam setiap peristiwa dan watak. Berlandaskan Pendekatan Firasat dalam Teori Pengkaedahan Melayu, analisis menunjukkan bahawa unsur seperti mimpi, kejadian luar biasa dan perlambangan berfungsi sebagai simbol yang mencerminkan pemikiran, kepercayaan dan falsafah hidup masyarakat Melayu. Kebijaksanaan jati diri Melayu dapat dilihat melalui nilai-nilai yang disampaikan secara halus seperti kasih sayang, perkongsian rezeki, rasional dalam membuat pertimbangan serta kebijaksanaan dalam kepimpinan, manakala konstruksi minda Melayu pula memperlihatkan satu bentuk pemikiran yang holistik dengan menggabungkan unsur rasional, spiritual dan pengalaman budaya dalam memahami kehidupan. Oleh itu, kajian ini menegaskan bahawa cerita rakyat memainkan peranan signifikan dalam membentuk identiti dan pemikiran masyarakat Melayu serta wajar terus dikaji dan dipelihara sebagai khazanah warisan yang relevan dalam menghadapi perubahan zaman.

Penghargaan

Kajian ini dibiayai oleh pengarang.

Konflik Kepentingan

Pengarang mengesahkan bahawa tiada konflik kepentingan melibatkan mana-mana pihak dalam kajian penyelidikan ini.

RUJUKAN

- [1] Ahmad, H. (2008): Jati diri bangsa Melayu berdasarkan pandangan hidup mereka. – In: Ismail Adnan, Rafie Abd. Rahim (eds.) Jati Diri Johor dalam Pelbagai Perspektif. Yayasan Warisan Johor, Johor 20p.
- [2] Ali, R.M. (2017): Sastera rakyat dalam media digital sumber ekonomi kreatif negara. – International Seminar on Islam, Culture and Heritage: Socio-Political and Economic Issues, Universiti Utara Malaysia 15p.
- [3] Awang, H. (2002): Teori Pengkaedahan Melayu dan prinsip penerapannya. – Bengkel Kajian Teori Sastera Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur 15p.
- [4] Awang, H. (1989): Kajian sastera: Suatu pendekatan Melayu. – Dewan Sastera 4p.
- [5] Hamid, I. (1987): Perkembangan Kesusasteraan Melayu Lama. – Longman Malaysia, Petaling Jaya 270p.
- [6] Hanafiah, M.N.A.M., Yaacob. M.F.C. (2020): Nilai-nilai Islam dan pembentukan akhlak dalam cerita rakyat Melayu. – International Journal of Language Education and Applied Linguistics 10(2): 48-56.
- [7] Hassan, A. (2009): Bahasa Melayu di persimpangan: Antara jati diri dengan rempuhan globalisasi. – KEMANUSIAAN: The Asian Journal of Humanities 16: 59-81.
- [8] Nasir, N.Y.M., Bujang, R., Hussain, E.M. (2016): Animasi cerita Bangsawan Puteri Saadong: Adaptasi teks dan persembahan. – MANU: Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa 23: 143-160.
- [9] Omar, A.H. (2006): Bahasa Melayu di Samudera: Benih yang Baik Menjadi Pulau. – Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur 214p.
- [10] Osman, M.T. (1988): Bunga Rampai Kebudayaan Melayu. – Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur 348p.
- [11] Sikana, M. (2013): Dari Barat ke Timur: Teori dan Kritikan Sastera. – Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur 400p.
- [12] Yaacob, M.F.C. (2018): Nilai-nilai murni dalam naratif lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu penelitian Pengkaedahan Melayu. – Universiti Malaysia Kelantan, Kelantan 350p.
- [13] Yaacob, M.F.C. (2015): Seuntai nilai-nilai murni dalam himpunan 366 cerita rakyat di Malaysia. – Universiti Putra Malaysia Serdang 200p.
- [14] Zikeria, S.Z. (2015): Gaya penyampaian cerita rakyat Melayu terpilih dalam Majalah Dewan Pelajar. – Tesis Sarjana Sastera, Universiti Putra Malaysia, Serdang 200p.
- [15] Zuriah (2008): Pendidikan Moral dan Budi Pekerti dalam Perspektif Perubahan. – Bumi Aksara, Jakarta 200p.